PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

# LAPORAN TAHUNAN
## PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2020

2020






www.pdp.gov.my

# LAPORAN TAHUNAN
## PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2020





# SIDANG EDITORIAL

**Penasihat**
Tuan Mazmalek Mohamad
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

**Ketua Editor**
Puan Rosyila Abdul Latif
Ketua Unit Komunikasi Korporat

**Editor**
Encik Azrul Nizam Mhd Razak
Penolong Pegawai Penerangan

**Jurufoto**
Encik Muhamad Hazrin Johar
Pegawai Contract for Service

Diterbitkan oleh:

PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya

No. Telefon : 03-8911 7927
No. Faks : 03-8911 7959
Laman Web : www.pdp.gov.my

FB : @JabatanPerlindunganDataPeribadi
IG : @JabatanPerlindunganDataPeribadi
Twitter : @jpdpmalaysia
Youtube : @jpdpmalaysia

CETAKAN PERTAMA 2021

©Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan diterbitkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan sisi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP), Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia




# ISI KANDUNGAN


5-7 SUDUT PANDANGAN PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

8-16 MAKLUMAT KORPORAT JPDP
- Latar Belakang
- Objektif
- Visi
- Misi
- Fungsi
- Carta Organisasi
- Kumpulan Pengurusan
- Fungsi dan Peranan Bahagian/Unit

17-21 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)
- Latar Belakang
- Tujuan
- Kepentingan Akta
- 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi
- Hak-hak Subjek Data

22-63 LAPORAN BAHAGIAN/UNIT
- Bahagian Pendaftaran & Operasi
- Bahagian Pemantauan
- Unit khidmat Pengurusan
- Unit Komunikasi Korporat

64-67 PENGLIBATAN DI PERSADA ANTARABANGSA

68-81 DIARI 2020

SUDUT
# PANDANGAN



## YBRS. TUAN MAZMALEK MOHAMAD

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi
merangkap Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

# Alhamdulillah

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita berjaya mengharungi tahun 2020 yang sangat mencabar. Tahun 2020 menyaksikan dunia berdepan dengan pandemik COVID-19 dan tiada siapa yang menjangkakan pandemik ini akan berlarutan hingga melangkau tahun serta meninggalkan kesan yang mendalam kepada kita semua terutamanya daripada aspek sosial dan ekonomi.

> "Dengan adanya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), isu berkaitan penyalahgunaan data peribadi dalam transaksi komersial dapat dikawal dan dilindungi dengan selamat"

Dalam kekalutan bergelut dengan pandemik COVID-19, isu keselamatan dan privasi data peribadi juga menjadi genting. Ini adalah susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ataupun *lockdown* di Malaysia dan kebanyakan negara yang menyebabkan rakyat terpaksa berkurung dan mengasingkan diri di rumah/ premis masing-masing. Senario ini secara tidak langsung telah menyebabkan peningkatan interaksi digital dan transaksi dalam talian.

Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa peratusan capaian isi rumah kepada Internet pada tahun 2020 meningkat kepada 91.7 peratus berbanding 90.1 peratus pada tahun 2019, bagi perkhidmatan berkaitan e-Pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan e-Hiburan. Laporan tersebut juga melaporkan aktiviti Internet yang paling popular di Malaysia adalah menyertai rangkaian sosial. Susulan peningkatan penggunaan Internet yang ketara inilah yang telah membuka ruang yang lebih luas kepada pencerobohan data peribadi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pada masa yang sama, kita juga dapat menyaksikan keterbukaan dan peningkatan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan perlindungan data peribadi. Dengan adanya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), isu berkaitan penyalahgunaan data peribadi dalam transaksi komersial dapat dikawal dan dilindungi dengan selamat. Justeru, Pejabat Pesuruhjaya PDP akan sentiasa mendokong dan menyokong dasar-dasar Kerajaan dan seterusnya mewujudkan kepercayaan dalam kalangan masyarakat demi kesejahteraan bersama.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja Pejabat Pesuruhjaya PDP atas komitmen, keazaman dan kerja berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksanakan segala tugas yang telah diamanahkan. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pemegang taruh yang terlibat dalam memberi pandangan, berkongsi kepakaran dan sokongan dalam melaksanakan fungsi Pejabat Pesuruhjaya PDP. Semoga kita terus komited untuk melaksanakan segala perancangan dan inisiatif agar Pejabat ini menjadi sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan gemilang.

Dengan ini, saya berbesar hati untuk berkongsikan semua perancangan, usaha dan pencapaian Pejabat Pesuruhjaya PDP sepanjang tahun 2020 dalam Laporan Tahunan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Tahun 2020 ini. Laporan ini diterbitkan sebagai manifestasi kesungguhan serta komitmen warga kerja Pejabat Pesuruhjaya PDP dalam melunaskan tanggungjawab yang diamanahkan walaupun berdepan pelbagai cabaran ekoran daripada pandemik yang berlaku. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan laporan ini secara langsung atau tidak langsung.

Semoga segala usaha dan pencapaian tahun 2020 ini menjadi motivasi untuk memberangsangkan lagi iltizam Pejabat ini untuk lebih proaktif dalam mencapai matlamat Kementerian amnya dan Pejabat Pesuruhjaya PDP khasnya. Ini selaras dengan misi dan visi Pejabat Pesuruhjaya PDP sebagai peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju.

Salam hormat.

**YBRS. TUAN MAZMALEK MOHAMAD**

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi
Merangkap Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Data Peribadi

# MAKLUMAT KORPORAT JPDP





# MAKLUMAT KORPORAT

## LATAR BELAKANG

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Jabatan ini ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Kabinet meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

## FUNGSI UTAMA

Mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh Pengguna Data agar tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak berkepentingan. Ini akan menyumbangkan kepada pelbagai risiko yang melibatkan privasi dan keselamatan data peribadi pengguna. Keselamatan data peribadi pengguna haruslah dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk ledakan maklumat tidak terkawal terhadap pengurusan atau penyimpanan data peribadi sensitif individu, awam dan swasta di negara Malaysia.






## OBJEKTIF

Menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

## VISI

Sebagai peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju yang selari dengan Agensi Transformasi Negara.

## MISI

Mengawal selia perlindungan data peribadi untuk mewujudkan kepercayaan dalam kalangan perniagaan dan pengguna yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan transaksi komersial.



# CARTA ORGANISASI





# KUMPULAN **PENGURUSAN**



**TUAN MAZMALEK MOHAMAD**
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi



**TUAN ABDUL RAHIMI AHMAD SHAMSUIL**
Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi



**PUAN UMA A/P ANNAMALLAI**
Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Operasi



**PUAN CHERYL BARR KUMARAKULASINGH**
Pengarah Bahagian Pemantauan



**ENCIK WAN NUR FAKRIN WAN AHMAD SUKRI**
Penasihat Undang-Undang



**PUAN MAZLINA MAZLAN**
Ketua Unit Pendaftaran



**PUAN NOREEN ISZANI YUSAK**
Ketua Unit Hal Ehwal
Pengguna Data



**PUAN NOR AFIZA MOHARAM**
Ketua Unit
Pemantauan I



**ENCIK MOHAMAD AZRUL AZMI**
Ketua Unit
Pemantauan II



**ENCIK A.RAFIZ ISMAIL**
Ketua Unit Siasatan



**PUAN LENIZA ANAK NIHAR**
Ketua Unit Penilaian Risiko



**PUAN EFFIZURAIDAH ABDUL LATIP**
Ketua Unit
Komunikasi Koporat



**ENCIK SHARIL MAZMI MOHD SHARIF**
Ketua Unit
Teknologi Maklumat



**PUAN LIZA IZNARIDA BASRI**
Ketua Unit Khidmat Pengurusan

# FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN/UNIT



**1) Bahagian Pendaftaran Operasi**

Menyelaraskan dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan Pendaftaran Pengguna Data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)

**2) Bahagian Pemantauan**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan Pematuhan Akta 709 melalui penilaian, penyiasatan dan pemantauan

**3) Unit Teknologi Maklumat**

Memberi perkhidmatan sokongan teknikal, sistem dan bantuan khidmat nasihat berhubung perlaksanaan ICT kepada warga JPDP

**4) Unit Khidmat Pengurusan**

Menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan JPDP

**5) Unit Khidmat Pengurusan**

Mempromosikan dasar program dan aktiviti Jabatan ke arah pembentukan imej yang positif melalui perancangan


AKTA PERLINDUNGAN
DATA PERIBADI 2010
(AKTA 709)



# PENGENALAN **AKTA**



## LATAR BELAKANG

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) merupakan salah satu perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia. Akta ini merupakan matlamat dasar kesepuluh dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Akta ini telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

## TUJUAN

Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial bagi melindungi data peribadi seseorang Subjek Data (orang awam). Ianya terpakai kepada organisasi/ individu yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial contohnya bank, syarikat telekomunikasi, insurans dan hospital.

## KEPENTINGAN AKTA

- Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dengan penguatkuasaan yang berterusan.
- Mengelakkan dan mengurangkan risiko ketirisan data peribadi.
- Meningkatkan kecekapan dan tadbir urus data peribadi.
- Memastikan data peribadi dikendalikan dengan berhemah dan berintegriti.


HAK-HAK SUBJEK DATA
01
Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung
02
Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distres
03
Hak untuk membuat pembetulan
04
Hak untuk menarik balik persetujuan
05
Hak untuk mengakses


7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
01 PRINSIP AM
Pengguna data tidak boleh memproses data peribadi TANPA persetujuan subjek data.
02 PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN
Pengguna data hendaklah memaklumkan kepada Subjek Data tujuan data peribadinya diproses, hak untuk mengakses, penzahiran kepada golongan pihak ketiga dan pilihan sama ada wajib atau tidak untuk memberikan data peribadi tersebut serta akibat sekiranya gagal memberikan data peribadi tersebut.
03 PRINSIP PENZAHIRAN
Tiada data peribadi boleh dizahirkan kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan.
04 PRINSIP KESELAMATAN
Pengguna data hendaklah mengambil langkah-langkah untuk melindungi data peribadi daripada hilang, salah guna, akses yang tidak dibenarkan.
05 PRINSIP PENYIMPANAN
Data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan dan perlu dimusnahkan atau dipadam secara kekal jika tidak lagi diproses.
06 PRINSIP INTEGRITI DATA
Pengguna data perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.
07 PRINSIP AKSES
Subjek data hendaklah diberi akses kepada data peribadinya dan boleh membetulkan jika data peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.

# LAPORAN
# BAHAGIAN/UNIT



BAHAGIAN
# PENDAFTARAN & OPERASI

Di bawah Bahagian Pendaftaran & Operasi terdapat dua unit iaitu:

- Unit Pendaftaran; dan
- Unit Hal Ehwal Pengguna Data.

Unit Pendaftaran bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan pendaftaran Pengguna Data, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran Pengguna Data serta pengenalan maklumat kepada Pengguna Data terhadap Akta 709.

Unit Hal Ehwal Pengguna Data pula bertanggungjawab menyelaraskan dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan Pengguna Data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukan dalam Akta 709 serta melaksana aktiviti penerangan berkenaan tataamalan dan pematuhan Akta 709.





PENDAFTARAN
# PENGGUNA DATA

Mulai tarikh penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] pada tahun 2013 sehingga kini, di bawah Seksyen 14 telah ditetapkan sebanyak 13 Golongan Pengguna Data diwajibkan mendaftar dengan Pesuruhjaya PDP.

## 13 GOLONGAN YANG WAJIB BERDAFTAR DENGAN PEJABAT PESURUHJAYA PDP

**Komunikasi**
(Telco/Kurier)

**Pelancongan & Hospitaliti**
(Hotel/Agensi Pelancongan)

**Kesihatan**
(Hospital Swasta/ Klinik Perubatan & Pergigian/Farmasi)

**Pendidikan**
(Sekolah Swasta dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta)

**Insurans**

**Jualan Langsung**

**Utiliti**
(Elektrik dan Air)

**Perbankan & Institusi Kewangan**

**Pengangkutan**

**Perkhidmatan**
(Undang-undang, audit, perakaunan, kejuruteraan, arkitek, peruncit & pemborong, agensi pekerja swasta)

**Hartanah**
(Pemaju Perumahan)

**Pajak Gadai**

**Pemberi Pinjam Wang**




Sektor/golongan yang berpotensi untuk disenaraikan sebagai golongan pengguna baharu sentiasa dinilai serta ditentukan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan industri bagi sektor yang melibatkan transaksi komersial dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Keperluan untuk mendaftar di bawah Akta 709 ini, menyumbang ke arah peningkatan tahap keyakinan antara kedua-dua belah pihak iaitu Pengguna Data serta pelanggan apabila berlakunya transaksi komersial dan pemprosesan data peribadi. Pengguna Data yang berdaftar akan dikeluarkan satu perakuan pendaftaran dan kemudiannya ditubuhkan suatu Forum Pengguna Data. Forum Pengguna Data tersebut akan menjadi satu platform khusus dalam menyediakan suatu tataamalan yang dapat meningkatkan kepercayaan dan integriti dalam mengendalikan data peribadi.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 929 pendaftaran baharu dan 2,252 pembaharuan pendaftaran telah direkodkan.

Jadual 1: Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Pendaftaran Pengguna Data Mengikut Golongan Pengguna Data Bagi Tahun 2020

| Bil. | Golongan Penguna Data | Pendaftaran Baharu | Pembaharuan Pendaftaran |
|---|---|---|---|
| 1. | Hartanah | 51 | 372 |
| 2. | Insurans | 2 | 33 |
| 3. | Jualan Langsung | 11 | 54 |
| 4. | Kesihatan | 75 | 558 |
| 5. | Komunikasi | 26 | 64 |
| 6. | Pajak Gadai | 140 | 24 |
| 7. | Pelancongan dan Hospitaliti | 27 | 245 |
| 8. | Pemberi Pinjam Wang | 525 | 145 |
| 9. | Pendidikan | 16 | 98 |
| 10. | Perkhidmatan | 56 | 613 |
| 11. | Perbankan dan Institusi Kewangan | 0 | 37 |
| 12. | Pengangkutan | 0 | 1 |
| 13. | Utiliti | 0 | 8 |
| **JUMLAH** | | **929** | **2,252** |



**Carta 1: Pendaftaran Baharu Pengguna Data Mengikut Golongan Pengguna Data Bagi Tahun 2020**




**JUMLAH: 929**

**Carta 2: Pembaharuan Pendaftaran Pengguna Data Mengikut Golongan Pengguna Data bagi Tahun 2020**




**JUMLAH: 2252**

Kegagalan Pengguna Data untuk berdaftar secara rasmi dengan Pesuruhjaya PDP boleh dikenakan hukuman penalti iaitu denda tidak melebihi RM 500,000.00, atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

## PENGANJURAN PERSIDANGAN
# PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (AKTA 709)

Pada setiap tahun, Pesuruhjaya PDP menganjurkan Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) kepada Pengguna Data yang terdiri daripada 13 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar dengan Pesuruhjaya PDP dan badan berkanun. Penganjuran Persidangan ini adalah bertujuan untuk:

i. Memberikan penerangan lanjut mengenai pematuhan Akta 709; dan

ii. Menjadi platform perhubungan antara Pengguna Data dan pihak Pesuruhjaya PDP dalam mengemukakan pandangan dan isu-isu yang dihadapi berkaitan dengan pematuhan Akta ini.

Melalui Persidangan ini, pihak Pesuruhjaya PDP memberi penerangan lanjut mengenai pematuhan Akta 709 termasuk isu-isu dalam pematuhan Akta 709, Standard Perlindungan Data Peribadi, tataamalan dan penguatkuasaan, kesalahan dan kompaun serta perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan data peribadi pelanggan di organisasi masing-masing.

Bagi memastikan Pengguna Data sentiasa peka dengan perkembangan isu-isu semasa yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi, Pesuruhjaya PDP turut mengundang penceramah luar antaranya dari Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Upland International School dan Data Protection Excellent Centre (DPEX), Malaysia untuk memberi taklimat dalam beberapa siri Persidangan yang dianjurkan. Para penceramah jemputan juga berkongsi pengetahuan mengenai cara penyelesaian terbaik untuk menangani penyalahgunaan data peribadi melalui penggunaan Internet atau alat telekomunikasi serta ancaman jenayah siber dan komersial agar Pengguna Data sedar akan kepentingan melindungi data peribadi yang dimiliki oleh organisasi mereka dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan penyalahgunaan data peribadi tersebut.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 11 Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) telah dianjurkan dengan jumlah kehadiran 982 orang peserta.







**20 Januari 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Selangor

- Best Western I-City Shah Alam
- 117 orang peserta

**10 Februari 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Johor

- The Public Pacific Johor Bahru
- 131orang peserta

**10 Ogos 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Perak

- Hotel Impiana, Ipoh
- 66 orang peserta

**13 Ogos 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
- 142 orang peserta

**17 Ogos 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Pulau Pinang

- Hotel Cititel, Pulau Pinang
- 103 orang peserta

**24 Ogos 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Terengganu

- Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu
- 55 orang peserta

**7 September 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data di Pulau Langkawi, Kedah

- Hotel Langkawi Seaview
- 77 orang peserta

**14 September 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Badan Berkanun Negeri Kelantan

- Hotel Perdana, Kota Bharu
- 70 orang peserta

**21 September 2020**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Melaka

- Hotel Ames, Ayer Keroh
- 79 orang peserta

**28 September 2021**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Pengguna Data Negeri Pahang

- Hotel Zenith Hotel, Kuantan
- 65 orang peserta

**21 Disember 2021**

Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bersama Agensi dan Badan Berkanun Negeri Kedah

- Hotel Jerai, Alor Setar
- 77 orang peserta


















ELAMAT DATANG
SIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBA
PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 7
BADAN BERKANUN
Jabatan Perlindungan Data Peribadi
Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia
www.pdp.gov.my




SELAMAT DATANG
PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)
www.pdp.gov.my















# PEMBANGUNAN TATAAMALAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI KEPADA FORUM GOLONGAN PENGGUNA DATA BAGI TAHUN 2020

Pejabat Pesuruhjaya PDP telah meneruskan usaha bersama beberapa peneraju Forum Golongan Pengguna Data dalam membangunkan Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi setiap Golongan Pengguna Data yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya PDP. Ini adalah berdasarkan kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) di bawah Seksyen 23. Pewujudan tataamalan ini memperlihatkan kesungguhan Pengguna Data dalam usaha melindungi dan menjamin keselamatan data peribadi.

Bagi tahun 2020, dua Tataamalan telah didaftarkan, iaitu:

i. Golongan Pengguna Data Utiliti Air; dan
ii. Sektor Hospital Swasta.

Di samping itu, Pejabat Pesuruhjaya PDP juga mengadakan beberapa siri perbincangan bersama-sama dengan agensi peneraju dalam pembangunan tataamalan bagi sektor Pengguna Data yang berkaitan, antaranya:

i. Sesi perbincangan mengenai draf Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi Pengguna Data Sektor Undang-undang bersama Majlis Peguam pada 20 Februari 2020;

ii. Sesi perbincangan mengenai draf Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi Pengguna Data Sektor Utiliti Air bersama Ranhill SAJ pada 25 Februari 2020;

iii. Sesi perbincangan mengenai draf Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi Pengguna Data Sektor Pelancongan pada 12 Mac 2020; dan

iv. Sesi Perbincangan mengenai draf akhir Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi Sektor Kesihatan bersama Persatuan Hospital Swasta Malaysa (APHM) pada 8 Oktober 2020.






# PROGRAM KESEDARAN MELALUI TRAINING OF TRAINERS (TOT) DI PUSAT INTERNET DESA DAN PUSAT INTERNET MALAYSIA (PID & PIM) MENGENAI AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)

Program Kesedaran melalui Training of Trainers (ToT) di Pusat Internet Desa dan Pusat Internet Malaysia (PID & PIM) merupakan salah satu platform bagi membolehkan Pengurus PID/ Pengurus PIM menguasai maklumat asas mengenai perlindungan data peribadi dan seterusnya melaksanakan program lanjutan di PID dan PIM masing-masing. Kumpulan sasar untuk mereka melatih kelak ialah orang awam dan juga usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan yang terlibat secara langsung dengan program-program di bawah PID dan PIM di seluruh Malaysia.

Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan Pejabat Pesuruhjaya PDP dalam memperkasakan komuniti digital memandangkan PID dan PIM adalah barisan hadapan yang paling dekat dengan masyarakat tempatan di kawasan luar bandar yang melibatkan usahawan-usahawan, pusat-pusat latihan dan sekolah-sekolah terpilih. Insiatif ini merupakan kerjasama antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Pejabat Pesuruhjaya PDP dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama-sama dengan syarikat telekomunikasi dalam menyampaikan dasar Kerajaan kepada rakyat luar bandar.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak enam Program Kesedaran melalui ToT di PID & PIM telah dilaksanakan.




24.5 juta
96.3%
89.4%
21.9 M


PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA)
JAGA DATA ANDA
#jomambilpeduli




Nama sebenar: 55.0%
Emel: 50.7%
Tempat kerja/belajar: 41.3%
Nombor telefon: 40.5%
Lokasi kediaman: 26.7%
media sosial
mmunications and Multimedia Commission (MCMC)

# DRAF PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)



**(AKTA 709)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dan mula berkuat kuasa pada 15 November 2013.

Akta 709 digubal bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial selaras dengan Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi serta bagi memastikan Akta 709 sentiasa relevan dengan perkembangan terkini bagi memenuhi keperluan domestik dan kepentingan awam serta sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa berkenaan tadbir urus data peribadi.



# KAJIAN SEMAKAN SEMULA **AKTA 709**

Kajian Semakan Semula Akta 709 telah dilaksanakan pada suku pertama dan kedua tahun 2019 bagi menentukan sama ada wajar diberikan penumpuan atau tidak. Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh empat pasukan kerja, seperti yang berikut:

i. Pasukan Kerja Industri Perniagaan dan Sektor Kerajaan;
ii. Pasukan Kerja Pemantauan dan Penguatkuasaan;
iii. Pasukan Kerja Inovasi dan Teknologi; dan
iv. Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus.

Pasukan kerja berperanan membantu untuk mengkaji dan mengenal pasti jurang-jurang berkaitan perlindungan data peribadi yang wujud dalam akta sedia ada berdasarkan bidang fokus masing-masing. Ahli-ahli pasukan kerja pula terdiri daripada pelbagai golongan pakar dan profesional yang mempunyai pengalaman industri yang luas berkaitan perlindungan data peribadi.



Secara amnya, melalui kajian tersebut, Pejabat Pesuruhjaya PDP mendapati terdapat beberapa jurang dalam Akta 709 jika dibandingkan dengan perundangan dan amalan perlindungan data peribadi lain pada peringkat global.

Hasil daripada kajian tersebut, sebanyak 61 cadangan penambahbaikan yang diperolehi dan telah diperhalusi oleh Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus yang kemudiannya mengeluarkan perakuan ke atas cadangan-cadangan tersebut sama ada untuk dipinda peruntukan sedia ada, ditambah peruntukan baharu, dikeluarkan garis panduan atau dilaksanakan kajian lanjut.

Kesemua proses dan aktiviti yang telah berlangsung sepanjang Kajian Semakan Semula Akta 709 ini digarap dalam Laporan Akhir Kajian Semakan Semula Akta 709 dan telah diterbitkan pada Disember 2019.

Analisis jurang dan dalam kajian awal mendapati wujud beberapa jurang antara Akta 709 dan polisi serta amalan perlindungan data peribadi pada peringkat antarabangsa.

# RUNDINGAN AWAM

Satu rundingan awam telah diadakan bagi mendapatkan pandangan dan komen orang awam sebelum pindaan Akta 709 dilaksanakan. Rundingan awam ini telah diadakan bermula pada 14 sehingga 28 Februari 2020 tetapi telah dilanjutkan sehingga 10 Mac 2020 atas permintaan umum.

Kertas Rundingan Awam 01/2020 telah menyenaraikan 22 cadangan penambahbaikan kepada perlindungan data peribadi di Malaysia.

76 jumlah penyertaan telah diterima daripada pelbagai golongan pemegang taruh termasuklah individu, Pengguna Data, Pemproses Data, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang merangkumi responden dari dalam dan luar negara.




Analisis dapatan menunjukkan terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang mendapat kadar persetujuan tinggi daripada responden seperti yang berikut:

1. Pemakaian Akta 709 ke atas Pemproses Data
2. Pemakaian Akta ke atas perkara bukan komersial
3. Pemakaian Akta kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
4. Penstrukturan semula elemen persetujuan yang dinyatakan dalam Akta
5. Pengeluaran elemen whitelist daripada peruntukan di Seksyen 129
6. Pengenaan konsep privacy by design ke atas sistem baharu yang ditubuhkan/ dibentuk oleh Pengguna Data
7. Penzahiran data peribadi oleh Pengguna Data kepada badan Kerajaan

# DRAF PINDAAN
# AKTA 709

Sepanjang tahun 2020, beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi membincangkan inti pati draf pindaan Akta 709.

Berdasarkan persetujuan YB Menteri Komunikasi dan Multimedia pada 28 Ogos 2020, penyediaan draf pindaan Akta 709 dijadualkan berlangsung sehingga ke tahun 2021.

Draf Pindaan Akta 708 yang telah disediakan menyenaraikan 22 cadangan penambahbaikan kepada perlindungan data peribadi di Malaysia.



# BAHAGIAN PEMANTAUAN

## Di bawah Bahagian Pemantauan, terdapat empat unit iaitu:




Unit Pemantauan berperanan melaksanakan aktiviti berhubung kajian kes berkaitan ketidakpatuhan tataamalan Akta oleh Pengguna Data serta melaksanakan dan menyelaras aktiviti penyediaan kertas pelaporan berhubung siasatan dan penguatkuasaan. Unit Pemantauan juga melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem data peribadi yang dikendalikan oleh Pengguna Data, sama ada dalam bentuk manual atau elektronik bagi memastikan persekitaran data peribadi dalam transaksi komersial adalah terpelihara dan dilindungi oleh Akta 709.

Unit Siasatan bertanggungjawab memastikan proses semak dan imbang (check and balance) yang amat penting dalam menentukan urusan perlindungan data peribadi yang dilaksanakan adalah efisyen dan efektif. Unit ini juga bertanggungjawab memproses dan menguruskan aduan awam terhadap ketidakpatuhan Pengguna Data, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemeriksaan, siasatan dan penguatkuasaan terhadap Pengguna Data.

Unit Penilaian Risiko bertanggungjawab memastikan akauntabiliti dan integriti Pengguna Data sentiasa dilindungi, memastikan pengauditan bebas, analisis objektif serta penilaian yang komprehensif tehadap pelaksanaan program dan perlindungan data peribadi sentiasa mencapai piawaian yang ditetapkan serta menilai semula sistem dan proses pengurusan risiko perlindungan data peribadi.



# PEMERIKSAAN
# SISTEM DATA PERIBADI

Selaras dengan misi JPDP iaitu mengawal selia perlindungan data peribadi untuk mewujudkan kepercayaan dalam kalangan pengguna yang menyumbang kepada peningkatan transaksi komersial, aspek utama kerja-kerja pemeriksaan sistem data peribadi industri dan organisasi oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP adalah penting dalam membantu pematuhan Akta 709. Pemeriksaan ini dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Seksyen 48 dan Seksyen 101 Akta 709.

Pemeriksaan ini adalah bertujuan untuk memastikan Pengguna Data melaksanakan pematuhan yang sejajar dengan kehendak Akta 709 dengan berpaksikan kepada 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi sebagai asas pematuhan. Pengguna Data dalam sesi pemeriksaan dinilai bermula daripada fasa pengumpulan, penggunaan, penyimpanan sehinggalah pelupusan data peribadi.

Selain itu, pemeriksaan turut meneliti pematuhan Pengguna Data terhadap peraturan-peraturan sedia ada, Standard Peraturan Data Peribadi 2015 dan tataamalan-tataamalan yang berkuat kuasa. Aktiviti pemeriksaan ini juga merupakan langkah pembaikan yang dilakukan ke atas Pengguna Data terpilih sebagai antara langkah mitigasi bagi mengurangkan risiko berlakunya insiden serius terhadap data peribadi di bawah pengendalian mereka.

Dalam hal ini, aktiviti pemeriksaan sistem data peribadi secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kepercayaan rakyat terhadap pemprosesan data peribadi yang dilaksanakan oleh Pengguna Data dalam persekitaran komersial.

## Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Bagi Tahun 2020

Bagi tahun 2020, pemeriksaan sistem data peribadi telah dimulakan pada bulan Februari, namun aktiviti ini telah terkesan dengan situasi pandemik COVID-19. Kekangan untuk merentas negeri ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengakibatkan pengurangan pergerakan berlaku sekitar bulan Mac hingga Mei 2020. Walau bagaimanapun, aktiviti ini bergerak aktif semula sebaik Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar (PKPB) diumumkan pada Jun 2020. Pemeriksaan kemudiannya telah dilaksanakan di Negeri Kedah, diikuti dengan di Negeri Terengganu, Negeri Sembilan, Perak, Johor, Kelantan, Perlis dan Pulau Pinang bermula Jun hingga Disember 2020.

Sepanjang tahun 2020, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah berjaya melaksanakan sebanyak 30 pemeriksaan sistem data peribadi di premis Pengguna Data di seluruh negara.

Pemeriksaan pada 2020 lebih memfokuskan Pengguna Data yang tidak tergolong dalam sektor Pengguna Data yang wajib berdaftar dengan Pesuruhjaya PDP, termasuk badan berkanun kerana Pengguna-pengguna Data tersebut dikenal pasti memproses data peribadi dalam jumlah yang banyak tetapi kurang pengetahuan mengenai keperluan kepada pematuhan Akta 709. Dengan mendekati golongan ini, Akta 709 dapat diluaskan kepada golongan berkaitan bagi dipertingkatkan pematuhannya. Kesannya, golongan Pengguna Data ini telah didekati dan diberikan pendedahan mengenai tatacara sebenar melindungi data peribadi dalam transaksi komersial dengan berpandukan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi dalam Akta 709.

### Jadual 2: Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Mengikut Golongan Pengguna Data Tahun 2020

| Golongan Pengguna Data | Jumlah Pemeriksaan |
|---|---|
| Wajib Mendaftar | 13 |
| Tidak Wajib Mendaftar | 14 |
| Badan Berkanun | 3 |
| Jumlah | 30 |

### Carta 3: Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Mengikut Seksyen di bawah Akta 709 Tahun 2020



























Jadual 3: Jumlah Lawatan Pemeriksaan di bawah Seksyen 101 dan Seksyen 48 Akta 709 Bagi Tahun 2020

| Bil. | Sektor Pengguna Data | Seksyen | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | 101 | 48 | |
| **Wajib Mendaftar** | | | | |
| 1. | Komunikasi | | 1 | 1 |
| 2. | Perbankan dan Institusi Kewangan | | | 0 |
| 3. | Insurans | | | 0 |
| 4. | Kesihatan | | 3 | 3 |
| 5. | Pelancongan dan Hospitaliti | | 3 | 3 |
| 6. | Pengangkutan (Udara) | | | 0 |
| 7. | Pendidikan | 1 | 2 | 3 |
| 8. | Jualan Langsung | | | 0 |
| 9. | Perkhidmatan | 1 | | 1 |
| 10. | Hartanah | 1 | | 1 |
| 11. | Utiliti (Air) | | | 0 |
| 12. | Pajak Gadai | | | 0 |
| 13. | Pemberi Pinjam Wang Berlesen | | 1 | 1 |
| **Tidak Wajib Mendaftar** | | | | |
| 14. | Penyedia e-Wallet | 3 | | 3 |
| 15. | Pengutip Hutang | 1 | | 1 |
| 16. | Pemproses Data | 1 | | 1 |
| 17. | Automotif | | 2 | 2 |
| 18. | Institut Memandu | | 1 | 1 |
| 19. | Kelab dan Persatuan | | 2 | 2 |
| 20. | Koperasi | | 1 | 1 |
| 21. | Pengangkutan (Air) | | 1 | 1 |
| 22. | Peruncitan Pelanggan (Consumer Retailer) | | 2 | 2 |
| **Badan Berkanun** | | | 3 | 3 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **8** | **22** | **30** |

Carta 4: Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Mengikut Sektor Pengguna Data Tahun 2020




## Perbandingan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Bagi Tahun 2018 hingga 2020

Berikut merupakan perbandingan pemeriksaan yang dilaksanakan ke atas Pengguna Data sepanjang tahun 2018 hingga 2020. Perbandingan adalah ke atas peruntukan seksyen yang diguna pakai di bawah Akta 709 dan sektor Pengguna Data terlibat.

**i. Perbandingan Bagi Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Yang Dilaksanakan Di Bawah Seksyen 101 Akta 709 Tahun 2018 Hingga 2020**

### • MENGIKUT GOLONGAN PENGGUNA DATA

Jadual 4: Perbandingan Bagi Pemeriksaan Sistem Data Peribadi yang Dilaksanakan di bawah Seksyen 101 Akta 709 Mengikut Golongan Pengguna Data Bagi Tahun 2018 hingga 2020

| Golongan Pengguna Data | 2020 | 2019 | 2020 |
|---|---|---|---|
| Pengguna Data Wajib Mendaftar | 3 | 26 | 38 |
| Pengguna Data Tidak Wajib Mendaftar | 5 | - | - |
| **Jumlah** | **8** | **26** | **38** |

Lima pemeriksaan Seksyen 101 telah dilaksanakan pada tahun 2020 ke atas Pengguna Data yang tidak wajib mendaftar dengan Pesuruhjaya PDP. Tujuan utama pemeriksaan tersebut dilaksanakan adalah bagi menangani isu-isu semasa berkaitan pemprosesan data peribadi oleh sektor-sektor perniagaan tertentu seperti e-wallet, agensi pengutip hutang dan pemproses data.

## • MENGIKUT SEKTOR PENGGUNA DATA

Carta 5: Perbandingan Bagi Pemeriksaan Sistem Data Peribadi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 101 Akta 709 bagi Tahun 2018 – 2020 Mengikut Sektor Pengguna Data




Berbanding tahun-tahun sebelumnya, pemeriksaan di bawah Seksyen 101 pada tahun 2020 kurang dilaksanakan ke atas Pengguna Data daripada golongan yang wajib mendaftar dengan Pesuruhjaya PDP. Secara keseluruhannya, pada tahun 2020 pemeriksaan di bawah Seksyen 101 adalah sebanyak lapan berbanding 26 pada tahun 2019 dan 38 pada tahun 2018.

**ii. Perbandingan bagi Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Yang Dilaksanakan Di Bawah Seksyen 48 Akta 709 Bagi Tahun 2018 hingga 2020 Mengikut Golongan Pengguna Data.**

## • MENGIKUT GOLONGAN PENGGUNA DATA

Jadual 5: Pemeriksaan Sistem Data Peribadi di bawah Seksyen 48 Mengikut Golongan Pengguna Data bagi Tahun 2018 hingga 2020

| Golongan Pengguna Data | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Pengguna Data Wajib Mendaftar | 10 | 0 | 0 |
| Pengguna Data Tidak Wajib Mendaftar | 9 | 2 | 0 |
| Badan Berkanun | 3 | 2 | 0 |
| **Jumlah** | **22** | **4** | **0** |

Berbanding dua tahun sebelumnya, pemeriksaan sistem data peribadi tahun 2020 memberikan lebih fokus kepada pemeriksaan di bawah Seksyen 48 berbanding Seksyen 101, terutamanya ke atas Golongan Pengguna Data yang wajib mendaftar dengan Pesuruhjaya PDP.

Pada tahun 2020, terdapat sembilan pemeriksaan Seksyen 48 ke atas Pengguna Data yang tidak wajib mendaftar tetapi dikenal pasti memproses data peribadi dalam kapasiti yang besar dan perlu diberikan pendedahan mengenai tatacara pengendalian sebenar perlindungan data peribadi berdasarkan Akta 709. Pengguna-pengguna Data tersebut adalah seperti koperasi, pusat hemodialisis, automobil, operator tiket feri dan institut memandu.

## • MENGIKUT SEKTOR PENGGUNA DATA

Carta 6: Pemeriksaan Sistem Data Peribadi Seksyen 48 Mengikut Sektor Pengguna Data Bagi Tahun 2018 hingga 2020




Berbanding tahun-tahun sebelumnya, pemeriksaan di bawah Seksyen 48 pada tahun 2020 banyak dilaksanakan ke atas Pengguna Data daripada golongan wajib mendaftar. Secara keseluruhannya, pada tahun 2020 pemeriksaan di bawah Seksyen 48 adalah sebanyak 22 berbanding empat pada tahun 2019 dan tiada pemeriksaan pada tahun 2018.

Secara keseluruhannya, pemeriksaan sistem data peribadi tahun 2020 adalah lebih bercorak pelbagai dan lebih mensasarkan kepada Seksyen 48 berbanding Seksyen 101 selain menumpukan kepada Pengguna Data daripada kalangan yang tiada sektor dan tidak wajib mendaftar dengan Pesuruhjaya PDP. 30 siri pemeriksaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 tersebut merupakan antara usaha dalam menguatkuasa tugas dan fungsi Pejabat Pesuruhjaya PDP serta menyebarkan kefahaman mengenai pematuhan sebenar Akta 709 kepada pelbagai organisasi Pengguna Data.

# PENGURUSAN **ADUAN**



Bermula dari tahun 2013 hingga 2020, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah menerima sejumlah 3,049 aduan yang disalurkan melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP).

SPDP merupakan platform digital yang disediakan oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP sebagai Pusat Sehentian (One Stop Centre) bagi semua aktiviti yang berkaitan seperti pendaftaran dan pembaharuan Pengguna Data serta penyiasatan aduan. Penggunaan SPDP menjadi lebih kritikal susulan daripada penularan wabak pandemik COVID-19.

Carta 7: Statistik Penerimaan Aduan Pejabat Pesuruhjaya PDP Dari Tahun 2013 Hingga 2020




Tahun 2020 menunjukkan peningkatan lebih 30 peratus (1,111 aduan) dalam penerimaan aduan oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP berbanding tahun sebelumnya, 2019 yang hanya sebanyak 742 aduan.

Peningkatan penerimaan aduan ini adalah melibatkan pengaduan berkaitan penyalahgunaan data peribadi pengadu oleh Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang tidak berlesen daripada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pinjaman kewangan dengan PPW tidak berlesen ini banyak berlaku pada tahun 2020 susulan daripada penularan wabak COVID-19 yang mengakibatkan ramai rakyat Malaysia terjejas mata pencarian.

Daripada 1,111 aduan yang diterima pada tahun 2020, sebanyak 295 aduan adalah di luar bidang kuasa Akta 709 selepas disaring oleh pegawai pengendali aduan. Ini menjadikan, hanya 816 aduan yang diproses dan diambil tindakan selanjutnya oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP.

Carta 8: Statistik Aduan dalam Bidang Kuasa Pejabat Pesuruhjaya PDP bagi Tahun 2020 Mengikut Sektor/Golongan Pengguna Data




Jadual 6: Perincian Aduan Dalam Bidang Kuasa Pejabat Pesuruhjaya PDP Mengikut Seksyen Kesalahan Bagi Tahun 2020

| Bil. | Seksyen Kesalahan | Jumlah Aduan |
|---|---|---|
| 1. | **Seksyen 5** Prinsip Perlindungan Data Peribadi | 595 |
| 2. | **Seksyen 37** Pemberitahuan mengenai keengganan untuk mematuhi permintaan pembetulan data | 1 |
| 3. | **Seksyen 38** Penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi | 6 |
| 4. | **Seksyen 39** Takat penzahiran data peribadi | 1 |
| 5. | **Seksyen 40** Pemprosesan data peribadi sensitif | 1 |
| 6. | **Seksyen 43** Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung | 83 |
| 7. | **Seksyen 130** Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang | 129 |
| | **JUMLAH** | **816** |

# PENGELUARAN NOTIS PERINGATAN PENDAFTARAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN PENGGUNA DATA

Dalam mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP, Bahagian Penguatkuasaan telah bekerjasama dengan Unit Pendaftaran untuk menyampaikan Notis Peringatan Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Pengguna Data kepada 13 Golongan Pengguna Data yang diwajibkan berdaftar selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 14 Akta 709.

Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah 3,301 Notis Peringatan telah dikeluarkan kepada Pengguna Data. Notis Peringatan telah disampaikan pada bulan Julai 2020 kepada dua Golongan Pengguna Data, iaitu:

- Pemberi Pinjam Wang (2,632 bilangan notis)
- Pajak Gadai (591 bilangan notis).

Kegagalan Pengguna Data untuk berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya PDP dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM500,000.00 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Kegagalan Pengguna Data untuk memperbaharui Perakuan Pendaftaran dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM250,000.00 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

# TINDAKAN PENGUATKUASAAN PEJABAT PESURUHJAYA PDP SEHINGGA TAHUN 2020

Bermula dari tahun 2017, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah mula mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas Pengguna Data yang melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta 709.

Bagi tahun 2020, tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas satu Pengguna Data atas pelanggaran kesalahan bagi Seksyen 5 Akta 709 (Prinsip Keselamatan) dan perincian tindakan penguatkuasaan yang telah diambil adalah seperti yang berikut:

- Pengkompaunan ke atas satu Pengguna Data dalam golongan komunikasi dan telah dikompaun sebanyak RM37,500.00.

Pejabat Pesuruhjaya PDP juga sedang melengkapkan Kertas Siasatan bagi 14 kes yang melibatkan insiden ketirisan data peribadi yang telah diterima setakat ini dan tindakan penguatkuasaan akan diambil sebaik sahaja penyiasatan tersebut telah dimuktamadkan.

# PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN PEMATUHAN ADVISORY JPDP

Pemantauan dan pemeriksaan pematuhan Advisory JPDP dijalankan bagi memastikan tatacara pengendalian aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi oleh premis perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilindungi dengan selamat. Semua premis perniagaan yang telah dibenarkan untuk beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) perlu mematuhi sepenuhnya tatacara pengendalian bagi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi sewajarnya.

Kaedah pengumpulan maklumat ini adalah tertakluk kepada premis perniagaan sama ada direkodkan secara manual atau digital. Maklumat yang dikumpulkan oleh premis perniagaan yang melibatkan data peribadi dikawal selia di bawah Akta 709.

Pemantauan ini dijalankan selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] bagi tujuan pengesanan kontak COVID-19 yang memerlukan premis-premis perniagaan merekodkan butiran peribadi pengunjung. Namun, penyaringan atau pengambilan suhu pelanggan/pengunjung di premis-premis yang beroperasi adalah harus bagi pengesanan kontak COVID-19 dan tidak perlu direkodkan.

Kegagalan bagi mana-mana premis perniagaan untuk mematuhi perkara ini, dan sekiranya disabitkan di bawah Akta 709, boleh didenda tidak melebihi RM300,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Penguatkuasa JPDP telah melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap pematuhan mulai 2 Jun 2020 di sekitar kawasan Lembah Klang dan seterusnya ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia melibatkan 784 premis dari pelbagai sektor perniagaan.





GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
BAGI PENGENDALI PREMIS PERNIAGAAN
Subjek Data (Pelanggan/Pengunjung)
Nama
No Telefon
Tarikh
Masa kehadi
1 CATATKAN
Data peribadi yang dibenarkan sahaja selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
KAUNTER (IN)
NOTIS PRIVASI PENGUMPULAN DATA PERIBADI MENGIKUT AKTA 342
2 PREMIS PERNIAGAAN WAJIB PAPAR
Notis Privasi yang jelas sebagai makluman pengunjung/pelanggan berhubung tujuan pengumpulan data peribadi
Pengumpulan maklumat ini adalah selaras dengan keperluan yang telah ditetapkan di bawah [Akta 342] dan ianya adalah diwajibkan.
Anda hanya dikehendaki untuk memberikan butiran seperti berikut:
i. Nama pengunjung/ pelanggan;
ii. No. telefon yang boleh dihubungi;
iii. Tarikh dan masa ketibaan.
Kegagalan anda untuk memberikan maklumat yang diperlukan boleh menyebabkan pihak kami tidak dapat menawarkan sebarang perkhidmatan.
Sekian, terima kasih.
Kumpul
Simpan
Guna
Kongsi
Musnah
Lapor
3 PREMIS PERNIAGAAN WAJIB PATUH
Kumpul data peribadi yang dibenarkan sahaja
Simpan maklumat peribadi di tempat yang selamat
Dilarang menyalahgunakan data peribadi pelanggan/ pengunjung
Dilarang kongsi data peribadi selain kepada pihak berkuasa
Musnahkan data peribadi secara kekal selepas 6 bulan tamat tempoh PKPB selaras dengan [Akta 342]
Kegagalan premis perniagaan untuk mematuhi Prinsip Perlindungan Data Peribadi ini dan sekiranya disabitkan di bawah Akta 709, boleh didenda maksimum RM300,000.00 atau dipenjarakan 2 tahun atau kedua-duanya sekali.
www.pdp.gov.my
@jpdpmalaysia
@jpdpmalaysia
@jpdpmalaysia


Sizzling Mixed Grill




PRESKRIPSI








GOLD SHOP

UNIT KHIDMAT

# PENGURUSAN

Unit Khidmat Pengurusan berperanan untuk memberikan khidmat sokongan dari segi sumber manusia, pentadbiran dan kewangan kepada Pejabat Pesuruhjaya PDP.



# PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pejabat Pesuruhjaya PDP telah melaksanakan pelbagai bentuk kursus dan latihan bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 bagi meningkatkan kompetensi dan prestasi pegawai di Jabatan ini. Latihan yang dilaksanakan dibahagikan kepada dua bentuk latihan iaitu Kursus Generik dan Kursus Fungsional

Jadual 7 : Kursus dan Latihan kepada Warga Pejabat Pesuruhjaya PDP Bagi Tahun 2020

| Bil. | Tajuk Kursus | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| **Kursus Generik** | | | |
| 1. | Bengkel Pemukiman JPDP Tahun 2020 | 2 - 4 Oktober 2020 | Holiday Villa Beach Resort & SPA Cherating, Pahang |
| **Kursus Fungsional** | | | |
| 2. | Kursus Digital Forensic – Investigation & Analysis Essential | 4 - 5 November 2020 | Secara Maya (Urus Setia oleh Bahagian Penguatkuasaan) |
| 3. | Kursus Pengauditan & Komunikasi Berkesan | 10 - 11 November 2020 | Secara Maya (Urus Setia oleh Bahagian Penguatkuasaan) |
| 4. | Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) secara berkala kepada SUK / Pihak Berkuasa Tempatan / Majlis Perbandaran | Januari - Disember 2020 | Semenanjung Malaysia (Urus Setia oleh Unit Hal Ehwal Pengguna Data) |

# UNIT KOMUNIKASI
# KORPORAT (UKK)

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan untuk mempromosikan dasar Akta 709, hebahan, aktiviti dan program secara menyeluruh dalam usaha pembentukan imej Jabatan yang positif melalui perancangan tahunan dan promosi yang strategik, sofistikated dan mampan. Sebagai barisan hadapan Pejabat Pesuruhjaya PDP, Unit ini komited dalam menyampaikan informasi terkini kepada masyarakat umum serta menyebarluaskan pendedahan dan penetapan berkaitan Akta 709 secara menyeluruh



# AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI 360°

Dalam memantapkan pemahaman pelaksanaan Akta 709, strategi promosi dan publisiti yang menyeluruh telah dilaksanakan dengan memberi penekanan pada aspek-aspek mengikut keperluan masyarakat khususnya Pengguna Data dan Subjek Data. Berkonsepkan Promosi dan Publisiti 360° (menyeluruh), Pejabat Pesuruhjaya PDP memfokuskan strategi hebahan promosi dan publisiti melalui pelbagai medium khusus dalam usaha memastikan penyampaian maklumat dapat dihayati oleh Pengguna Data dan Subjek Data dengan berkesan.

Media baharu yang saling melengkapi media digital dan media konvensional menjadi medium utama dalam pengendalian promosi dan publisiti Pejabat Pesuruhjaya PDP secara berterusan. Kelebihan media baharu yang lebih kos efektif dan keupayaan mencapai sasaran khalayak yang lebih ramai menjadikannya medium perhubungan yang lebih strategik.

Dalam usaha memberi kesedaran mengenai kepentingan data peribadi, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah menyusun pelbagai aktiviti agar masyarakat sentiasa peka terhadap fungsi dan peranan Jabatan, seterusnya meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengendalian pemprosesan data peribadi demi kesejahteraan rakyat.



## Televisyen






### 30 Januari 2020

Bual bicara Selamat Pagi Malaysia, RTM 1 bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP bertajuk Data Peribadi Dalam Revolusi Industri 4.0

### 22 Jun 2020

Temu bual Berita RTM Penyiaran Kedah Alor Setar bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP bertajuk Tatacara Pengendalian Data Peribadi dan #MySejahtera

## Radio






### 9 Februari 2020

Temu bual di Radio Johor FM bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP

### 15 Mac 2020

Temu bual di Radio Perak FM bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP



## 22 Jun 2020

Temu bual di Radio Kedah FM bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP




## 6 Julai 2020

Temu bual di Radio Melaka FM bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP



## 28 Julai 2020

Temu bual di Radio Kelantan FM bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP




## 18 Ogos 2020

Temu bual di Radio Mutiara FM, Penang bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP



## 7 September 2020

Temu bual di Langkawi FM bersama YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP

# Heban Luar (Outdoor)




Pengiklanan pada badan kereta (MOOLA) di sekitar Lembah Klang – 10 buah kenderaan

Papan Iklan Luar (Billboard) Digital Bangunan Menara TM dan di ruangan TM Experience Centre




TM Experience Centre, Menara TM




Pengiklanan di Pawagam TGV sekitar Lembah Klang

Panel Digital di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)



# Kolaborasi bersama Agensi Lain-Program Kesedaran







## 12 Ogos 2020

Masscomm Webinar Series bertajuk "Keselamatan Data Peribadi dalam Norma Baharu" anjuran JPDP dan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# Kenyataan Media/Siaran Media




**27 September 2020**

Insiden Ketirisan Data Peribadi Yang Melibatkan Pelanggan Shopback Cashback Sdn. Bhd. ("Shopback")

**5 Oktober 2020**

Aduan Penyalahgunaan Data Peribadi oleh Syarikat Asialend (MY) Sdn. Bhd.

**14 Oktober 2020**

Dakwaan Kumpulan Airasia Berhad ("Airasia") Menjual Data Peribadi Pelanggannya Kepada Firma Amerika Syarikat

**20 November 2020**

Penyalahgunaan Data Peribadi Oleh Aplikasi Dalam Talian Pemberi Pinjam Wang Tidak Berlesen

**23 November 2020**

Dakwaan Penjualan Data Peribadi Pengguna Aplikasi Muslim Pro Kepada Tentera Amerika Syarikat

# Media Cetak


JPDP tunggu penjelasan AirAsia isu data pelanggan
Bisnes
CADANGAN JUAL DATA KEPADA FIRMA AS
JPDP MAHU PENJELASAN AIRASIA
6 syarikat pemberi pinjam wang disiasat salah guna data peribadi
Tiada ketirisan penjualan data peribadi AirAsia: JPDP
JPDP sah AirAsia tak jual data peribadi pelanggan
Syarikat telco terikat Akta 709
JSPP imbangi kesan ekonomi, kesihatan, keselamatan
'MySejahtera info protected'
Your data or your life: Can we have both?
More transparency and details wanted
A wake-up call for data protection
How much data is enough

# Penerbitan Video




Pendaftaran dalam talian melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi SPDP




Teaser Jaga Data Anda

Imbas kod QR untuk menonton video di Youtube

## Penerbitan Bahan-bahan Bercetak




Laporan Tahunan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi 2019




Buletin JPDP Edisi 2020



# PENGLIBATAN
# DI PERSADA ANTARABANGSA

# ASEAN DATA PROTECTION AND PRIVACY FORUM

ASEAN Data Protection and Privacy Forum merupakan platform perjumpaan badan-badan pengawal selia perlindungan data rantau ASEAN untuk berkongsi maklumat, pengalaman serta amalan terbaik privasi data, di samping membincangkan isu dan cabaran dalam bidang ini.

Mesyuarat ASEAN Data Protection and Privacy Forum yang ke-3 telah diadakan secara maya pada 18-19 Ogos 2020 dengan dipengerusikan oleh Singapura. Mesyuarat telah membincangkan perkembangan terkini dalam perlindungan data peribadi dan inisiatif baharu negara-negara ASEAN terutamanya dalam mengendalikan isu perlindungan data peribadi yang timbul akibat pandemik COVID-19.

Malaysia telah memaklumkan Mesyuarat mengenai status terkini pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) yang berada pada fasa penyediaan draf pindaan serta pindaan-pindaan signifikan termasuk meluaskan pemakaian Akta 709 kepada Pemproses Data, mewajibkan Notifikasi Ketirisan Data (Data Breach Notification, DBN), penamaan Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer, DPO) dan penghapusan *whitelist* bagi pemindahan data rentas sempadan.

Malaysia juga telah berkongsi maklumat mengenai instrumen digital, MySejahtera, yang diperkenalkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk tujuan pengesanan kontak dalam mengendalikan pandemik ini dan Advisory yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP mengenai tatacara pengendalian data peribadi oleh premis perniagaan yang mengumpul maklumat peribadi pengunjung secara manual sebagai pelengkap kepada MySejahtera.

Mesyuarat ini juga telah membincangkan inisitiatif-inisiatif lain pada peringkat ASEAN yang akan dibentangkan untuk kelulusan ADGMIN iaitu ASEAN Data Management Framework (DMF), ASEAN Model Contractual Clauses (MCC) dan ASEAN Certification for Cross-Border Data Flow (ACCDF).




Penglibatan Malaysia dalam forum serantau dan antarabangsa seperti ini penting untuk mewujudkan peluang kerjasama dengan negara-negara lain dari segi perkongsian maklumat mengenai inisiatif dan amalan terbaik dalam perlindungan data peribadi di samping memperkasakan penguatkuasaan rentas sempadan.

# U.S. - ASEAN BUSINESS COUNCIL (US-ABC) 2020 SENIOR EXECUTIVE BUSINESS MISSION TO MALAYSIA



Mesyuarat yang berlangsung pada 12 Oktober 2020 secara dalam talian ini telah disertai oleh YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP. Tuan Pesuruhjaya memaklumkan Mesyuarat mengenai perkembangan terkini pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

# 4th JOINT COMMITTE MEETING ON INFORMATION AND COMMUNICATIONS COOPERATION BETWEEN MALAYSIA AND SINGAPOIRE

4th Joint Committee Meeting on Information and Communications Cooperation between Malaysia and Singapore yang berlangsung pada 2 November 2020 secara dalam talian telah dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, KKMM dan YBrs. Puan Yong Ying-I, Setiausaha Tetap, Kementerian Komunikasi dan Maklumat Singapura. Mesyuarat turut disertai oleh YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP.



Mesyuarat ini menekankan hubungan erat dan kerjasama padu antara Malaysia dan Singapura dalam bidang maklumat dan komunikasi sewaktu pandemik COVID-19. Pelbagai isu kepentingan bersama dibincangkan dalam mesyuarat ini termasuklah mengenai maklumat dan komunikasi digital, ekonomi digital dan keselamatan siber. Kedua-dua pihak turut bertukar-tukar maklumat dan pengalaman mengenai komunikasi awam dan usaha penglibatan Kerajaan masing-masing dalam menangani COVID-19.


Diari
2020



**4 Februari 2020**

**Sesi Perjumpaan YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan Pejabat Pesuruhjaya PDP**




**12 Februari 2020**

## Program Kesedaran dan Pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)

Program kerjasama JPDP dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) ini dianjurkan untuk meningkat kesedaran dan pematuhan Akta 709 kepada hakim-hakim mahkamah seksyen, pegawai undang-undang dan pegawai penguatkuasa agensi kerajaan. Tiga orang panel telah diundang untuk mengupas topik 'Applying Personal Data Protection in Commercial Sectors – Issues and Challenges', iaitu:

- YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP;
- Puan Maimun Abdullah dari Tenaga Nasional Berhad; dan
- Puan Ainul Azlinda Inon Shaharuddin dari Telekom Malaysia Berhad.

## 13-14 Februari 2020
## Personal Data Protection Hands-On Workshop






**18 Februari 2020**

## Majlis Amanat Ketua Pengarah JPDP





**28 Februari 2020**

## Program Bacaan Yassin dan Majlis Tahlil Pejabat Pesuruhjaya PDP





## 3 Mac 2020
## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019



Berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2019, seramai tiga orang warga JPDP telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Senarai penerima APC JPDP tahun 2019 adalah seperti yang berikut:




**Puan Nor Afiza Moharam**
Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M48)
Unit Pemantauan I




**Puan Noor Hailina Abdul Ghafar**
Setiausaha Pejabat (Gred N29)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah




**Puan Nurhidayah Rahman**
Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) [Gred N19]
Unit Khidmat Pengurusan



11 Mac 2020
Kajian Lapangan oleh Pelajar-pelajar Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia ke Pejabat Pesuruhjaya PDP




16 Mac 2020
**Pelantikan YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad sebagai Pesuruhjaya PDP**

## 10 Jun 2020

## Lawatan YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia ke Pejabat Pesuruhjaya PDP Diiringi oleh YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM






## 6 Ogos 2020

### Majlis Pertukaran Dokumen Nota Kerjasama Strategik Antara Jabatan Perlindungan Data Peribadi dan Cybersecurity Malaysia

Majlis menandatangani Nota Kerjasama Strategik antara Jabatan Perlindungan Data Peribadi dan Cybersecurity Malaysia telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mazmalek bin Mohamad, Pesuruhjaya PDP dan YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Melalui kerjasama strategik ini, JPDP dan CyberSecurity Malaysia akan berganding bahu untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi secara berterusan bagi menjamin ekosistem perlindungan data peribadi yang utuh di Malaysia khususnya.

CyberSecurity Malaysia yang merupakan pusat pakar teknikal keselamatan siber akan berkongsi pengetahuan dan kepakaran dengan JPDP dalam usaha mempertingkatkan tahap perlindungan data peribadi dan keselamatan siber di Malaysia agar sentiasa berada pada tahap yang tertinggi.

Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui melalui jalinan kerjasama strategik ini adalah perkongsian maklumat insiden siber berkaitan data peribadi, khidmat nasihat berkaitan keselamatan siber, pembangunan makmal forensik digital dan pusat data digital serta pembangunan modal insan.









## 22 September 2020
## Kursus Keselamatan Data Peribadi - Bahaya Scam




YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad, Pesuruhjaya PDP telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel dalam Kursus Keselamatan Data Peribadi - Bahaya Scam yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Jabatan Peguam Negara (AGC). Turut serta sebagai ahli panel dalam sesi ini ialah pegawai dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Bahagian Pendakwaan AGC dan Telekom Malaysia yang membincangkan topik “Sejauh mana peruntukan undang-undang membendung bahaya scam di Malaysia?




## 2-4 Oktober 2020
## Bengkel Pemukiman JPDP Tahun 2020















**11 Oktober 2020**

## Mesyuarat Perancangan Strategik & Hala Tuju JPDP Tahun 2021






**13 November 2020**

**Lawatan kerja YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha, KKMM ke Pejabat Pesuruhjaya PDP**





**PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**
Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya

No. Telefon : 03-8911 7927
No. Faks : 03-8911 7959
Laman Web : www.pdp.gov.my